



جایتن اکام اسلام فیرا  
JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

Pengerusi Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau  
Negeri Perak Darul Ridzuan  
  
YB Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan,

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : Bil. (40 ) JAIPK/BPM/11/1 Jld 2  
Tarikh : 27 Zulkaedah 1442  
08 Julai 2021

**PANDUAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU SEMASA TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA BERFASA DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YB Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan terhadap aktiviti di masjid dan surau yang telah mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak boleh diadakan sepanjang tempoh Pelan Pemulihan Negara Berfasa di negeri Perak Darul Ridzuan.

3. Bersama-sama ini disertakan garis panduan aktiviti di masjid dan surau di seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan berkuat kuasa solat Maghrib, Khamis, 27hb. Zulkaedah 1442, bersamaan 8hb Julai 2021.

4. Sehubungan dengan itu YB Dato' Seri/YBhg. Dato'/Tuan dipohon mematuhi garis panduan ini dan menetapkan langkah-langkah pencegahan dan keselamatan bagi mengurangkan risiko penularan wabak penyakit dan memastikan kesihatan awam tidak terjejas.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI MOHD YUSOP BIN HAJI HUSIN)**

Pengarah,

Jabatan Agama Islam Perak.



myusop@perak.gov.my



05-2084800 / (F) 05-2555512

S.k Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak  
Orang Besar Jajahan Daerah  
Pegawai Tadbir Agama Daerah  
Fail Timbul

**"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"**



**GARIS PANDUAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU SEMASA TEMPOH PELAN  
PEMULIHAN NEGARA BERFASA DI NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

BIL	AKTIVITI	PANDUAN
1	Solat Fardu	<ol style="list-style-type: none"><li>Dibenarkan di semua masjid dan surau termasuk surau-surau di Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, universiti, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang.</li><li>Bilangan jemaah mengikut ruang utama solat dengan mematuhi jarak fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</li><li>Kehadiran dibenarkan dalam kalangan jemaah lelaki dan wanita, warganegara dan penduduk tetap Malaysia, berusia 12 tahun ke atas.</li><li>Kumpulan berisiko tinggi (mempunyai simptom COVID-19 seperti demam, batuk, selesma, alahan dan sebagainya) dinasihatkan TIDAK HADIR.</li><li>Pegawai bertugas (Imam) hendaklah:-<ul style="list-style-type: none"><li>Membaca qunut nazilah sewaktu solat subuh.</li><li>Menganjurkan solat hajat khusus memohon dihapuskan bala virus Covid-19 selepas Solat Maghrib.</li><li>Menganjurkan bacaan surah Yassin khusus memohon dihapuskan bala Covid-19 selepas Solat Maghrib pada setiap malam Jumaat.</li></ul></li></ol>
2	Solat Jumaat	<ol style="list-style-type: none"><li>Dibenarkan di semua masjid dan surau termasuk surau-surau di Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, universiti, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang.</li><li>Bilangan jemaah mengikut ruang utama solat dengan bilangan minimum 40 orang jemaah dengan mematuhi jarak fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</li><li>Bagi masjid dan surau yang ruang utama solat tidak boleh memuatkan</li></ol>

		<p>bilangan 40 orang jemaah, boleh menggunakan ruang legar di sekeliling ruang solat utama untuk mencukupkan bilangan minimum 40 orang jemaah.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>4. Kehadiran dibenarkan dalam kalangan jemaah lelaki sahaja, warganegara dan penduduk tetap Malaysia, berusia 12 tahun ke atas.</li> <li>5. Kumpulan berisiko tinggi (mempunyai simptom COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, alahan dan sebagainya) dinasihatkan TIDAK HADIR</li> <li>6. Pegawai bertugas (imam) hendaklah: <ul style="list-style-type: none"> <li>• membaca qunut nazilah;</li> <li>• menunaikan solat hajat selepas Solat Jumaat memohon dihapuskan bala virus Covid-19.</li> </ul> </li> </ol>
3	Solat Sunat Aidiladha	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibenarkan di semua masjid dan surau termasuk surau-surau di Kem Tentera dan Polis, bangunan pejabat, institusi, universiti, politeknik, maktab, sekolah, syarikat dan kilang.</li> <li>2. Dibenarkan diadakan di kawasan terbuka dan kawasan lapang dalam kawasan perumahan dan pihak penganjur hendaklah memaklumkan sekurang-kurangnya tiga hari sebelum Hari Raya Aidiladha ke Pejabat Agama Daerah dan Balai Polis atau Pondok Polis terdekat.</li> <li>3. Bilangan jemaah mengikut ruang utama solat dengan mematuhi jarak fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.</li> <li>4. Kehadiran dibenarkan dalam kalangan jemaah lelaki dan wanita, warganegara dan penduduk tetap Malaysia, berusia 12 tahun ke atas.</li> <li>5. Kumpulan berisiko tinggi (mempunyai simptom COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, alahan dan sebagainya) dinasihatkan TIDAK HADIR.</li> </ol>

4	Solat Jenazah	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibenarkan di semua masjid dan surau, terbatas kepada jemaah lelaki warga negara atau penduduk tetap Malaysia dalam kalangan ahli-ahli kariah sahaja, berusia 12 tahun ke atas.</li> <li>2. Kumpulan berisiko tinggi (mempunyai simptom COVID-19 seperti demam, batuk, selesema, alahan dan sebagainya) dinasihatkan TIDAK HADIR.</li> <li>3. Pegawai bertugas (imam) hendaklah memastikan jemaah dihadkan kepada ahli dalam kariah sahaja.</li> </ol>
5	Kuliah Ilmu	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Dibenarkan dalam ruang waktu antara selesai Solat Maghrib sementara menantikan masuknya waktu Solat Isyak. Aktiviti dihentikan sebaik masuk waktu Solat Isyak.</li> <li>2. Dibenarkan sementara menanti azan Solat Jumaat dan tidak melebihi 30 minit.</li> </ol>
6	Jamuan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tidak dibenarkan diadakan sebarang aktiviti jamuan dalam masjid dan surau, merangkumi perkaraan masjid dan surau.</li> </ol>
7	Bagi kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. TIDAK DIBENARKAN sebarang aktiviti termasuk mendirikan solat fardu, Solat Jumaat, Solat Sunat Adiladha dan solat jenazah.</li> <li>2. DIBENARKAN laungan azan seperti berikut:-          الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ، الله أَكْبَرُ،          أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،          أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ، أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ،          حَمْدًا لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،          حَمْدًا لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ،          صَلَوَاتٌ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ، صَلَوَاتٌ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ،          اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،          لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ       </li> </ol>
8	Lain-lain	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Orang Besar Jajahan bersama Pegawai Daerah dan Pegawai Tadbir Agama Daerah diberi kuasa mengarahkan mana-mana masjid atau surau dalam mana-mana kariah atau mukim, dalam daerah masing-masing ditutup</li> </ol>

		<p>sementara, dan tidak dibenarkan mendirikan solat fardu, Solat Jumaat, solat jenazah dan solat sunat Aidiladha dalam masjid atau surau setelah mendapat nasihat atau maklum balas dari MKN, Jabatan Kesihatan dan PDRM, dalam tempoh 24 jam berlakunya penularan wabak dalam kariah atau mukim berkaitan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>2. Orang Besar Jajahan bersama Pegawai Daerah dan Pegawai Tadbir Agama Daerah juga diberi kuasa untuk mengehadkan bilangan 40 orang jemaah, terbatas kepada ahli-ahli kariah sahaja di masjid atau surau yang berdekatan dengan masjid atau surau yang diarahkan tutup.</li> <li>3. Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid hendaklah mengenali dan menetapkan ahli kariah seramai 40 orang yang dibenarkan bersolat di masjid-masjid dan surau-surau yang terlibat.</li> </ol>
--	--	---

#### KETETAPAN DAN ARAHAN KEPADA PIHAK PENGURUSAN MASJID DAN SURAU

Pihak pengurusan masjid dan surau hendaklah memastikan perkara ini dipatuhi dan diamalkan sepanjang masa	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pastikan ada petugas di pintu masuk masjid bagi mengawal laluan masuk.</li> <li>2. Menyediakan laluan masuk dan keluar untuk jemaah.</li> <li>3. Pendaftaran kehadiran melalui MySejahtera atau buku pendaftaran.</li> <li>4. Mengambil bacaan suhu badan.</li> <li>5. Memastikan jemaah memakai pelitup muka dengan betul.</li> <li>6. Jemaah yang tidak memakai pelitup muka TIDAK DIBENARKAN menyertai solat berjemaah dalam masjid atau surau masing-masing.</li> <li>7. Membawa sejadah bersaiz besar.</li> <li>8. Mengamalkan jarak fizikal sekurangnya 1 meter.</li> <li>9. Mengambil wuduk dari rumah.</li> <li>10. Tidak membawa kanak-kanak berusia bawah 12 tahun.</li> <li>11. Membuka tingkap dan pintu untuk satu tempoh yang sesuai selepas selesai solat bagi tujuan pengudaraan.</li> <li>12. Semua pintu hendaklah dibuka selepas selesai solat bagi membolehkan jemaah keluar tanpa bersesak.</li> <li>13. Memastikan jemaah tidak berkumpul sebelum dan selepas solat.</li> <li>14. Menggalakkan jemaah (terutama pada waktu Solat Jumaat dan Solat Sunat Aidiladha) membawa beg kasut sendiri yang dibenarkan dibawa bersama ke tempat solat untuk mengelak kesesakan mendapatkan kasut selepas selesai solat.</li> </ol>
--	--

Masjid atau surau yang melanggar atau tidak mematuhi arahan ini, boleh dikenakan tindakan dan kebenaran melaksanakan aktiviti keagamaan boleh ditarik balik serta merta.

